



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Bank Negara Malaysia, Insurans dan Takaful (Pindaan) 1988

DR.3/1988

D.R. 3/88

Naskhah Sahih—

Bahagian II dan III—Bahasa Inggeris

Bahagian IV—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful 1984.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan oleh Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bank Negara Malaysia, Insurans dan Takaful (Pindaan) 1988.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

2. Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful 1984 masing-masingnya adalah dipinda seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian II, III dan IV.

Pindaan-pindaan Ordinan dan Akta-akta. Ord. 61/58. Akta 89. Akta 312.

BAHAGIAN II

PINDAAN-PINDAAN KEPADA ORDINAN
BANK NEGARA MALAYSIA 1958

Pindaan
seksyen 30.
Ord. 61/58.

3. Seksyen 30 Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 adalah dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (t) subseksyen (1) perenggan-perenggan yang berikut:

“ (tt) act as agent of the Government under the Insurance Act 1963;

Act 89. (ttt) act as agent of the Government under the Takaful Act 1984;”.

Act 312.

BAHAGIAN III

PINDAAN-PINDAAN KEPADA
AKTA INSURANS 1963

Pindaan
seksyen 1A.
Akta 89.

4. Seksyen 1A Akta Insurans 1963, yang disebut “Akta ibu” dalam Bahagian ini, adalah dipinda dengan memasukkan selepas takrif “broker” takrif yang berikut:

“Central Bank” means the Central Bank of Malaysia established under the Central Bank of Malaysia Ordinance 1958;”.

Ord. 61/58.

Pindaan
seksyen 18.

5. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 18 dengan seksyen yang berikut:

“Power to inspect, to require information. etc. 18. (1) The Director General may from time to time inspect under conditions of secrecy the books, accounts and transactions of any insurer and of any of its branch offices.

(2) For the purposes of an inspection under subsection (1), the insurer shall allow the Director General access to its books, accounts and documents and shall give such information and facilities as may be required to conduct the inspection:

Provided that the books, accounts and documents shall not be required to be produced at such times and at such places as shall interfere with the proper conduct of the normal daily business of that insurer.

(3) Where the Director General is of the opinion that it is necessary for any of the purposes of this Act to do so, he may by notice in writing require any director, officer or representative of any insurer—

- (a) to furnish him with any information; or
- (b) to appear before him,

in connection with any matter related to any business carried on by that insurer in Malaysia or outside Malaysia in the manner and to the extent and, in the case of an appearance before him, at the time and place, specified in the notice.

(4) Any person who refuses to allow an inspection under subsection (1), or fails to comply with any provision of subsection (2) or any requirement of the Director General under subsection (3), shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding twenty thousand ringgit and shall also be liable to a further fine not exceeding five thousand ringgit for every day during which the offence is continued.”.

6. Seksyen 35 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 35.

- (a) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) The Governor of the Central Bank shall be the Director General of Insurance.”; dan

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen-subseksyen yang berikut:

“(5) Without prejudice to the provisions of subsection (6), the Director General may appoint any officer of the Central Bank to exercise or perform all or any of the powers, duties or functions of the Director General under this Act.

(6) The Director General may authorise or appoint any person to assist him in the exercise of his powers or performance of his duties or functions under this Act either generally or in any particular case.”.

Pindaan
seksyen 35A.

7. Seksyen 35A Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “any public officer, or any person appointed under section 27 (3)” dengan perkataan-perkataan “any officer of the Central Bank appointed under section 35 (5), any person appointed under section 27 (3), or any person authorised or appointed under section 35 (6)”.

Seksyen
baru 35B.

8. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 35A seksyen yang berikut:

“Officers
deemed to
be public
servants.

*F.M.S.
Cap. 45.*

35B. For the purposes of this Act, the Director General, any officer of the Central Bank appointed under section 35 (5), any person appointed under section 27 (3), and any person authorised or appointed under section 35 (6) shall be deemed to be public servants within the meaning of the Penal Code.”.

BAHAGIAN IV

PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA TAKAFUL 1984

Pindaan
seksyen 2.
Akta 312.

9. Seksyen 2 Akta Takaful 1984, yang disebut “Akta ibu” dalam Bahagian ini, adalah dipinda dengan memasukkan selepas takrif “aktuari berkelayakan” takrif yang berikut:

“Bank Negara” ertinya Bank Negara
Ord. 61/58. Malaysia yang ditubuhkan di bawah Ordinan Bank Negara Malaysia 1958;’.

Pindaan
seksyen 33.

10. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 33 dengan seksyen yang berikut:

“Kuasa
untuk
memeriksa,
meng-
hendaki
maklumat,
dsb.

33. (1) Ketua Pengarah boleh dari semasa ke semasa secara rahsia memeriksa buku-buku, akaun-akaun dan transaksi-transaksi mana-mana pengendali dan mana-mana pejabat cawangannya.

(2) Bagi maksud-maksud pemeriksaan di bawah subseksyen (1), pengendali hendaklah memberi Ketua Pengarah akses kepada semua buku, akaun dan dokumen dan hendaklah memberikan semua maklumat dan kemudahan yang diperlukan untuk menjalankan pemeriksaan itu:

Dengan syarat bahawa buku-buku, akaun-akaun dan dokumen-dokumen itu tidaklah dikehendaki dikemukakan pada masa dan di tempat yang boleh mengganggu perjalanan sempurna perniagaan harian yang biasa bagi pengendali itu.

(3) Jika Ketua Pengarah berpendapat bahawa adalah perlu berbuat demikian bagi mana-mana maksud Akta ini, dia boleh, melalui notis bertulis, menghendaki mana-mana pengarah, pegawai atau wakil mana-mana pengendali—

- (a) memberinya apa-apa maklumat; atau
- (b) hadir di hadapannya,

berkaitan dengan apa-apa perkara yang berhubungan dengan apa-apa perniagaan yang dijalankan oleh pengendali itu di dalam atau di luar Malaysia mengikut cara dan setakat, dan dalam hal kehadiran di hadapannya, pada masa dan di tempat, yang dinyatakan dalam notis itu.

(4) Mana-mana orang yang enggan membenarkan pemeriksaan di bawah subseksyen (1), atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan subseksyen (2) atau mana-mana kehendak Ketua Pengarah di bawah subseksyen (3), adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dan boleh juga dikenakan denda tambahan tidak melebihi lima ribu ringgit bagi tiap-tiap satu hari kesalahan itu diteruskan.”.

Pindaan
seksyen 54.

11. Seksyen 54 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Yang di-Pertuan Agong boleh melantik mana-mana orang mengikut nama atau atas jawatan untuk” dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “Gabenor Bank Negara hendaklah”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen-subseksyen yang berikut:

“(5) Tanpa menjejaskan peruntukan-peruntukan subseksyen (6), Ketua Pengarah boleh melantik mana-mana pegawai Bank Negara untuk menjalankan atau melaksanakan semua atau mana-mana kuasa, kewajipan atau fungsi Ketua Pengarah di bawah Akta ini.

(6) Ketua Pengarah boleh memberikuasa atau melantik mana-mana orang untuk membantunya menjalankan kuasa-kuasanya atau melaksanakan kewajipan-kewajipan atau fungsi-fungsinya di bawah Akta ini sama ada secara am atau di dalam mana-mana kes tertentu.”.

Pindaan
seksyen 55.

12. Seksyen 55 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “mana-mana pegawai awam, atau mana-mana orang yang dilantik di bawah subseksyen (3) seksyen 46” dengan perkataan-perkataan “mana-mana pegawai Bank Negara yang dilantik di bawah subseksyen (5) seksyen 54, mana-mana orang yang dilantik di bawah subseksyen (3) seksyen 46, atau mana-mana orang yang diberikuasa atau dilantik di bawah subseksyen (6) seksyen 54”.

13. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 55 seksyen yang berikut:

Seksyen
baru 55A.

“Pegawai-
pegawai
yang
disifatkan
sebagai
peng-
khidmat-
peng-
khidmat
awam.

55A. Bagi maksud-maksud Akta ini, Ketua Pengarah, mana-mana pegawai Bank Negara yang dilantik di bawah subseksyen (5) seksyen 54, mana-mana orang yang dilantik di bawah subseksyen (3) seksyen 46, dan mana-mana orang yang diberikuasa atau dilantik di bawah subseksyen (6) seksyen 54 hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.”.

N.M.B.
Bab 45.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful 1984 bagi membolehkan Bank Negara Malaysia mentadbirkan Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful 1984.

2. *Fasal 3* bertujuan meminda subseksyen (1) seksyen 30 Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 bagi membolehkan Bank Negara Malaysia bertindak sebagai ejen Kerajaan di bawah Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful 1984.

3. *Fasal 4* bertujuan memasukkan takrif “Central Bank” ke dalam Akta Insurans 1963. Akta Takaful 1984 juga dipinda di bawah *fasal 9* bagi maksud yang sama.

4. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 18 Akta Insurans 1963 bagi membolehkan Ketua Pengarah memeriksa, secara rahsia, buku-buku, akaun-akaun dan transaksi-transaksi sesuatu penanggung insurans atau mana-mana cawangannya dari semasa ke semasa tanpa dikehendaki memberikan notis terlebih dahulu kepada penanggung insurans yang berkenaan. Tanpa notis yang diberikan terlebih dahulu, seseorang penanggung insurans akan kurang berpeluang menyembunyikan, mengubah atau menghapuskan dokumen-dokumen yang akan tertakluk kepada pemeriksaan oleh Ketua Pengarah. Seksyen 18 juga disusun semula untuk menekankan kuasa ini. *Fasal* ini juga bertujuan untuk menambah penalti bagi sesuatu kesalahan di bawah seksyen itu. Seksyen 33 Akta Takaful 1984 juga dipinda dalam *fasal 10* bagi maksud yang sama.

5. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 35 Akta Insurans 1963 untuk melantik Gabenor Bank Negara menjadi Ketua Pengarah Insurans di bawah Akta dan untuk membolehkan Ketua Pengarah melantik dan memberikuasa mana-mana pegawai Bank Negara Malaysia atau mana-mana orang lain untuk membantunya menjalankan kuasa-kuasanya dan melaksanakan kewajipan-kewajipan dan fungsi-fungsinya di bawah Akta itu sama ada secara am atau dalam sesuatu kes tertentu. *Fasal 11* bertujuan memasukkan.....Akta itu.

Fasal 11 bertujuan memasukkan peruntukan-peruntukan yang sama ke dalam Akta Takaful 1984 dengan meminda seksyen 54 Akta itu.

6. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 35A Akta Insurans 1963 dengan menggantikan "any public officer" dengan "any officer of the Central Bank appointed under section 35 (5)". Ini adalah perlu memandangkan bahawa sekarang Akta Insurans 1963 akan ditadbirkan oleh Gabenor Bank Negara dan pegawai-pegawainya. *Fasal 12* bertujuan memasukkan peruntukan-peruntukan yang sama ke dalam Akta Takaful 1984 dengan meminda seksyen 55 Akta itu.

7. *Fasal 8* bertujuan memasukkan seksyen baru 35B ke dalam Akta Insurans 1963 bagi memberi Ketua Pengarah, mana-mana pegawai Bank Negara yang dilantik di bawah subseksyen (5) seksyen 35 dan mana-mana orang yang dilantik di bawah subseksyen (3) seksyen 27 atau yang diberikuasa atau dilantik di bawah subseksyen (6) seksyen 35 Akta itu taraf pengkhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan. *Fasal 13* bertujuan memasukkan peruntukan-peruntukan yang sama ke dalam Akta Takaful 1984 dengan memasukkan seksyen baru 55A ke dalam Akta itu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1471.]